



Rapid Bus Sdn Bhd 201201040722 (1025200-A)

RAPID KL OFFICE

Kompleks Rapid Bus Cheras Selatan, Lot 1499, Jalan KB 2/15 Balakong, 43300 Seri Kembangan, Selangor

Tel : +603 - 8946 2000 Fax : +603 - 8964 4889 Website : [www.myrapid.com.my](http://www.myrapid.com.my)

rapidKL

rapidPenang

rapidKuantan



## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

# PERKHIDMATAN BAS SKIP STOP XPRESS (DS01) DIJADIKAN LALUAN TETAP

**KUALA LUMPUR, 14 April 2023** - Berita baik buat semua pengguna perkhidmatan bas Skip Stop Xpress! Bermula 17 April 2023, bukti konsep (*Proof of Concept – POC*) Laluan DS01 akan diserapkan sebagai salah satu laluan tetap dalam perkhidmatan bas Rapid KL.

Laluan DS01 adalah perkhidmatan bas di koridor Ampang dengan perjalanan lebih singkat serta hentian yang terhad, dari Stesen LRT Ampang ke Ampang Park dan Kuala Lumpur City Centre (KLCC).

Perkhidmatan ini beroperasi pada hari Isnin sehingga Jumaat pada waktu puncak pagi iaitu dari 6:30 pagi sehingga 10:00 pagi dan pada waktu puncak petang iaitu dari jam 4:30 petang sehingga 7:00 malam.

Perkhidmatan tersebut telah mencatatkan jumlah penumpang yang amat memberangsangkan sejak mula beroperasi pada 16 Mei 2022 iaitu 54,000 dengan purata penumpang harian sebanyak 400 orang.

Ketua Pegawai Operasi Rapid Bus, Ku Jamil Zakaria berkata, "Perkhidmatan ini merupakan salah satu inisiatif dan strategi untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di sekitar pusat bandar. Ianya memenuhi kriteria utama penumpang iaitu hentian yang terhad dan penjimatan masa perjalanan sebanyak 15 minit yang bersamaan dengan 50% daripada keseluruhan masa perjalanan."

prasarana Group

rapidrail

rapidbus

pride

prime

prosper



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS  
05 100 22020 05 100 22022  
05 100 22021 05 100 22023



CERTIFIED TO ISO 14001:2015  
CERT. NO.: EMS  
14 104 22004 14 104 22006  
14 104 22005 14 104 22007



CERTIFIED TO ISO 45001:2018  
CERT. NO.: OHSMS  
44 126 22 92 0025 44 127 22 92 0027  
44 126 22 92 0026 44 126 22 92 0028



SIRIM  
CERT. NO.: ISMS 00341  
0074



UKAS  
CERT. NO.: 0074



ANTI-BRIBERY  
SIRIM  
CERT. NO.: ABMS 00129



IQNET  
CERT. NO.: ABMS 00129



FIRST ORGANIZATION TO  
RECEIVE FIVE ISO  
CERTIFICATION  
THROUGH INTEGRATED  
MANAGEMENT SYSTEM  
IN A SINGLE AUDIT

Tambang yang ditawarkan sebanyak RM1.10 adalah berpatutan jika dibandingkan dengan memandu kenderaan sendiri. Penumpang boleh membayar tambang menggunakan Pas Perjalanan Tanpa Had My50 dan kad Touch n' Go.

Walaubagaimanapun, mereka yang memandu kenderaan persendirian boleh menggunakan ruang meletak kereta *Park & Ride* di LRT Ampang sebelum meneruskan perjalanan dengan perkhidmatan bas.

Dengan perkhidmatan ini, kesalinghubungan pertama dan akhir (first-last mile connectivity) dapat ditambah baik bagi pengguna pengangkutan awam dari komuniti Bukit Indah, Bandar Baru Ampang, Taman Dagang, Mulia Jaya, Lembah Jaya, Pandan Indah.

## [TAMAT]

Dikeluarkan oleh Rapid Bus Sdn Bhd. Untuk sebarang maklumat, sila hubungi Tengku Azrawati Tengku Arshad melalui whatsapp di nombor 017-372 8486 atau emel kepada [azrawati.arshad@prasarana.com.my](mailto:azrawati.arshad@prasarana.com.my)